

# Rayuan Dan Pendirian Asas Dong Zong Terhadap Pilihan Raya Umum Ke-13

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) berkait rapat dengan nasib rakyat dan negara kita bagi lima tahun akan datang. Ia juga berkait rapat dengan survival dan pembangunan pendidikan bahasa ibunda.

Sebagai sebuah pertubuhan yang memimpin pendidikan sekolah-sekolah Cina di negara kita, Dong Zong mempunyai tanggungjawab untuk memberitahu pandangan dan pendiriannya kepada masyarakat.

Memandangkan ciri-ciri dan fungsi Dong Zong, maka sepanjang masa ini kami berpegang kepada prinsip merentasi parti-parti politik tetapi tidak merentasi aspek politik, dan tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Kami mahu menyatupadukan semua tenaga yang ada untuk menentang anasir-anasir politik berniat jahat yang menjejaskan pendidikan bahasa ibunda.

Seperti yang kita sedia maklum, walaupun tugas mempertahankan pendidikan bahasa ibunda amat susah, tetapi ia tetap mendapat sokongan rakyat. Ini membolehkan pendidikan bahasa ibunda diteruskan dan dibangunkan di negara kita. Tetapi pada hakikatnya, perkembangan selama berpuluh tahun kebelakangan ini telah membuktikan bahawa dasar pendidikan satu bahasa dan satu aliran sekolah masih dilaksanakan dan ini akan terus membawa malapetaka besar kepada pendidikan bahasa ibunda.

Sejajar dengan perkembangan semasa, Dong Zong mempergiatkan lagi usaha memperjuangkan hak dan kepentingan pendidikan bahasa ibunda terhadap kerajaan negeri Pakatan Rakyat dan kerajaan pusat.

Pada tahun 2012, Dong Zong telah mengadakan lima perhimpunan aman yang mendapat sokongan ramai rakyat. Perhimpunan Aman 325 telah menyebabkan kerajaan memberi perhatian kepada masalah kekurangan guru di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Perhimpunan Aman 520 di Kuantan dan Perhimpunan Aman 729 di Segamat telah mengutarakan hasrat rakyat dengan lebih jelas lagi kepada kerajaan tentang keperluan menambah jumlah Sekolah Menengah Persendirian Cina yang baru. Perhimpunan Aman 926 ke bangunan parlimen adalah untuk menyampaikan rayuan terus kepada Perdana Menteri. Perhimpunan Aman 1125 pula adalah untuk menentang dengan lebih tegas terhadap Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang melaksanakan dasar pendidikan satu bahasa dan satu aliran sekolah, dan membantah cubaan untuk memansuhkan pendidikan bahasa ibunda.

Kelima-lima perhimpunan aman tersebut telah menyuarakan hasrat rakyat dengan jelas dan tegas kepada kerajaan bahawa rakyat negara kita mencintai

pendidikan bahasa ibunda. Ia juga memberi tahu kepada kerajaan berkenaan masalah-masalah yang dihadapi sekian lama dan apa-apa yang kami perlukan.

Sekiranya suara hati rakyat tersebut masih tidak mendapat perhatian kerajaan, maka rakyat akan membuat pilihan yang sewajarnya dalam pilihan raya umum nanti.

Dong Zong ingin menyatakan sekali lagi kepada semua parti politik berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh pendidikan bahasa ibunda selama berpuluh-puluh tahun ini dan apa-apa yang kami perlukan. Kami berharap rayuan kami pada kali ini mendapat perhatian serius daripada semua parti politik dan dimasukkan ke dalam dasar-dasar parti untuk menyelesaikan masalah-masalah berkenaan dan memberi layanan yang adil dan saksama kepada pendidikan bahasa ibunda. Rayuan-rayuan tersebut adalah seperti berikut:-

#### (1) Akta, Dasar Dan Peraturan Pendidikan

1. Meminda akta pendidikan serta menyemak dan merangka semula Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang memenuhi keperluan semua kaum dan diterima oleh rakyat secara keseluruhannya supaya menggalak pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik semua kaum, di samping menghormati Bahasa Kebangsaan, adalah penting juga bagi kerajaan memelihara dan menyokong pembangunan bahasa ibunda dan budaya yang berbeza bagi semua kaum di negara kita.
2. Melaksana dasar pendidikan yang menyokong kepelbagaian budaya dan perpaduan semua kaum, memastikan semua aliran sekolah mempunyai kedudukan yang sama rata dan menikmati sumber pendidikan negara secara adil dan saksama serta menjamin survival dan pembangunan setiap

aliran sekolah.

3. Mengadakan program transformasi pendidikan yang memenuhi identiti dan keperluan setiap aliran sekolah.

#### (2) Pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

1. Memberi peruntukan secara adil, saksama dan sistematik kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), iaitu kerajaan hendaklah menanggung sepenuhnya semua belanja mengurus dan pembangunan SJKC, dan memasukkan projek-projek dan peruntukan mengurus dan pembangunan SJKC ke dalam Rancangan Malaysia dan bajet tahunan.
2. Menggubal dan melaksanakan sistem untuk penubuhan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang baru dengan pemberian tanah dan peruntukan yang diperlukan, dan memansuhkan semua syarat yang tidak adil mengenai penubuhan dan pembinaan sekolah.
3. Menyelesaikan masalah kekurangan guru dan masalah guru tidak berkelayakan Bahasa Cina secara sistematik. Ini hendaklah meliputi penubuhan sistem latihan perguruan yang mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama bagi latihan perguruan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan menetapkan guru-guru pelatih mempunyai kepujian mata pelajaran Bahasa Cina di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina supaya melatih guru-guru pentadbiran berjawatan tinggi dan guru-guru mata pelajaran yang diperlukan oleh SJKC.
4. Menetapkan secara bertulis bahawa guru-guru pentadbiran berjawatan tinggi di

Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina mestilah berkelayakan Bahasa Cina.

5. Memastikan kelas-kelas pendidikan prasekolah dan pendidikan khas di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina mestilah mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama.
6. Menjamin kedudukan dan kuasa Lembaga Pengelola Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan menetapkan bidang kuasanya secara bertulis di sisi undang-undang.

### (3) **Pembangunan Sekolah Menengah Persendirian Cina**

1. Mengiktiraf sepenuhnya Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina dan menerima sijil tersebut sebagai kelayakan untuk permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam, institut pendidikan guru, universiti pendidikan guru dan sektor perkhidmatan awam di negara kita.
2. Meluluskan penubuhan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina di kawasan yang mempunyai keperluan, khususnya di Segamat, Johor Bahru, Puchong dan Petaling Jaya.
3. Memberi bantuan kewangan tahunan secara sistematik dan tanpa sebarang syarat kepada semua Sekolah Menengah Persendirian Cina, dan memberi biasiswa kepada para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UEC.
4. Memperbetulkan kandungan surat kelulusan penubuhan Sekolah Menengah Chong Hwa Kuantan dengan menyatakan dengan jelasnya bahawa sekolah tersebut mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama dalam pengajaran,

pembelajaran dan pentadbiran sekolah, melaksana sistem pendidikan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina dan kurikulum Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina serta mengambil peperiksaan UEC.

### (4) **Pembangunan Sekolah Menengah *Conforming***

1. Menunaikan janji-janji yang diberikan kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming*. Ini termasuklah semua perbelanjaan sekolah-sekolah tersebut ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan, satu pertiga masa persekolahan diguna untuk mengajar Bahasa Cina, pengagihan guru-guru terlatih yang mencukupi dan menjamin kedudukan dan kuasa Lembaga Pengelola sekolah di sisi undang-undang.
2. Meminda akta pendidikan untuk memulihkan jenis sekolah dan istilah bagi "Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan" (SMJK), dan menjamin kedudukan, hak dan kepentingan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* dan kuasa lembaga pengelolanya secara bertulis di sisi undang-undang.
3. Menetapkan secara bertulis bahawa Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* hanya menerima tamatan pelajar daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
4. Menggubal dan melaksanakan sistem untuk penubuhan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* yang baru dengan pemberian tanah dan peruntukan yang diperlukan.
5. Menetapkan secara bertulis bahawa guru-guru pentadbiran berjawatan tinggi di Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* mestilah berkelayakan Bahasa Cina. Perlantikan guru-guru tersebut mestilah mendapat persetujuan

lembaga pengelola sekolah terlebih dahulu sebelum mereka dihantar ke sekolah. Pihak lembaga pengelola sekolah berhak mencadang calon-calon bagi guru pentadbiran berjawatan tinggi untuk dilantik oleh Kementerian Pelajaran.

6. Meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina di Sekolah Menengah *Conforming* dan Sekolah Menengah Kebangsaan. Ini meliputi peruntukan bertulis yang menetapkan Bahasa Cina sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari dan diambil dalam peperiksaan awam oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah *Conforming*, kelas-kelas Bahasa Cina dan Kesusasteraan Cina di Sekolah Menengah *Conforming* dan Sekolah Menengah Kebangsaan diatur dalam jadual waktu persekolahan, dan penyediaan guru terlatih yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pelajar.

#### (5) **Pembangunan Pendidikan Pengajian Tinggi Yang Diusahakan Oleh Masyarakat**

1. Memberi bantuan kewangan tahunan kepada institus-institusi pengajian tinggi yang tidak berorientasi keuntungan (*nonprofit*) dan diusahakan oleh masyarakat. Ini termasuklah Kolej Universiti New Era, Kolej Universiti Selatan dan Kolej Han Chiang.
2. Meluluskan kenaikan taraf Kolej Han Chiang ke peringkat kolej universiti.

#### **Akhir Kata**

Ketika rakyat seluruh negara sedang berusaha untuk mendapat kemenangan bagi wakil politik masing-masing, sila imbas kembali apakah kata-kata dan tindakan pemimpin-pemimpin parti politik dan calon-calon bertanding sokongan anda terhadap pendidikan bahasa ibunda. Kami ingin menyatakan sekali lagi kepada semua parti politik berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh pendidikan bahasa ibunda sekian lama ini. Kami berharap dalam tempoh lima tahun yang akan datang, mereka dapat membawa layanan yang adil dan saksama kepada pembangunan pendidikan bahasa ibunda.

Kami meminta kerajaan baru mengadakan dasar-dasar pendidikan yang adil dan saksama dengan secepat mungkin secara proaktif dan ikhlas supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah pendidikan bahasa ibunda.

Kami amat tidak berpuas hati dengan dasar-dasar satu bahasa dan satu aliran sekolah serta langkah-langkah pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan yang lepas. Kami menyeru semua rakyat berbilang kaum memberi sokongan sepenuhnya kepada parti-parti politik dan calon-calon yang bertanding dalam kerusi parlimen dan dewan undangan negeri yang menyokong rayuan kami.

Kami menyeru semua rakyat berbilang kaum keluar mengundi beramai-ramai untuk memilih sebuah kerajaan baru yang dapat membawa demokrasi, kebebasan, pentadbiran yang bersih, keadilan, kepelbagaian budaya dan perpaduan kepada negara kita tercinta ini.